

08/10/2001

AS kaitkan kes lampau Osama

Wan Esuriyanti Wan Ahmad

KUALA LUMPUR, Ahad - Laporan Washington kepada Malaysia, yang mengaitkan Osama bin Laden dan pergerakannya, al-Qaeda, dengan serangan 11 September lalu, cuma berdasarkan motif serta pembabitian jutawan Arab Saudi itu dalam beberapa kes sebelum ini.

Laporan itu, yang disampaikan Duta Amerika Syarikat (AS), Marie T Huhtala di Wisma Putra Jumaat lalu, tidak memperincikan bukti berhubung pembabitian Osama, dengan alasan serangan itu masih dalam siasatan pihak berkuasa negara itu.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata laporan itu bertujuan meyakinkan Malaysia tindakan yang diambil Washington bukan untuk membalas dendam, sebaliknya membanteras pegganas.

Pada masa yang sama, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, turut mengutus surat kepada Presiden George W Bush Jumaat lalu untuk menyatakan pandangan Malaysia mengenai usaha menentang keganasan.

Bercakap kepada pemberita selepas Ekspedisi Berakit Kenali Sungai Pahang anjuran Persatuan Kelab-Kelab Belia Malaysia (MAYC) di sini hari ini, Syed Hamid berkata, Perdana Menteri mengutus surat itu atas permintaan Bush ekoran perbualan mereka menerusi telefon, baru-baru ini.

Dalam perbualan telefon pada 1 Oktober lalu, kedua-dua pemimpin bersetuju untuk membincangkan lebih lanjut mengenai isu keganasan antarabangsa pada pertemuan sidang kemuncak forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Shanghai, bermula 20 Oktober ini.

Mengenai pandangan Malaysia berhubung dakwaan bahawa Israel, Russia dan India merancang serangan itu serta ketiadaan bukti kukuh bagi mengaitkan Osama, Syed Hamid berkata, apa yang AS lakukan dalam meyakinkan masyarakat antarabangsa ialah menunjukkan rangkaian bukti kejadian sebelum ini.

"AS menunjukkan Osama mempunyai motif untuk melakukan perkara ini dengan mengaitkan kejadian seperti di Kenya serta pengeboman lain.

"Buat masa ini, tidak ada orang atau kumpulan lain mempunyai motif yang sama atau (terbabit) dalam kejadian lalu. Bagaimanapun, mereka (AS) masih mengumpul keterangan lain," katanya.

Syed Hamid berkata, laporan yang diterima Malaysia sama dengan yang dihantar kepada Britain, Pakistan dan beberapa negara lain.

"Saya telah diberikan laporan itu tetapi buat masa ini, mereka kata ia tidak boleh disiarkan lagi kerana tidak mahu menjejaskan risikan dan siasatan masih diteruskan," katanya.

Ditanya sama ada beliau yakin dengan laporan yang mengaitkan Osama dengan serangan itu, Syed Hamid berkata:

"Saya fikir mereka mempunyai cukup maklumat untuk menunjukkan motif berdasarkan temu bual dengan beberapa orang dan mengaitkan kes keganasan dan pengeboman sebelum ini.

"Namun, Amerika masih mengumpul keterangan lain bagi mendapatkan bukti lebih kukuh."

Sama ada Bush dalam perbualan telefon dengan Dr Mahathir mengarahkan Malaysia membekukan akaun atau aset Osama dan pihak yang disyaki mempunyai kaitan dengannya di negara ini, Syed Hamid berkata, tidak ada arahan sedemikian.

"Tetapi melalui pihak kedutaan, Amerika ada meminta kerjasama kita. Saya sendiri bercakap dengan Timbalan Menteri Kewangannya dan memberi jaminan Malaysia akan bekerjasama selaras undang-undang negara serta resolusi Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu.

"Sehubungan itu, Bank Negara Malaysia mengeluarkan arahan membekukan akaun pihak yang mempunyai kaitan dengan Osama dan al-Qaeda," katanya.

Mengenai kemungkinan Malaysia menghantar bantuan kemanusiaan ke Afghanistan, Syed Hamid berkata, negara akan meningkatkan usaha itu melalui Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

"Kita masih belum buat keputusan mengenai bentuk bantuan tetapi kerajaan lebih berminat melihat badan bukan kerajaan seperti Pemuda Umno membuat kutipan. Wisma Putra akan menentukan barangan atau wang sumbangan itu diterima oleh mereka yang layak (pelarian Afghanistan)," katanya.

Terdahulu, pada majlis perasmian Ekspedisi Berakit Kenali Sungai Pahang, Syed Hamid yang juga Presiden MAYC berkata setakat ini tidak ada ahli persatuan belia itu terbabit dalam kumpulan penganas termasuk Kumpulan Militer Malaysia (KMM).

(END)